

PKR jaja masalah peribadi di Kajang, kata Salleh

Free Malaysia Today

13 March 2014

Oleh FMT Staff

PETALING JAYA: Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Seri Salleh Said Keruak mendakwa kempen pembangkang dalam PRK Kajang sudah menyimpang.

Katanya, isu yang dijaja bukan soal nasib rakyat, tetapi masalah peribadi.

“Dalam ceramah kempenya, calon PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, lebih banyak bercerita mengenai kes mahkamah suaminya daripada memperkatakan masalah rakyat Kajang,” kata beliau dalam posting terbaru blognya, www.sskeruak.blogspot.com

Beliau yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah berkata Wan Azizah bercerita tentang suaminya yang telah dihukum oleh mahkamah dan betapa mereka sekeluarga menjadi apa yang dianggapnya sebagai ‘mangsa politik’ sehinggakan dia terlupa perjuangan politiknya untuk rakyat Kajang.

“Nyata Wan Azizah mendendangkan lagu lama yang pernah didendangkannya di Permatang Pauh. Isunya tidak relevan kepada pengundi setempat,” tegasnya.

Katanya, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah didapati bersalah oleh mahkamah dan berhak merayu.

“Ini sistem kehakiman kita. Kenapa pula pengundi Kajang diheret untuk menyelesaikan masalah dia?” soal beliau.

Dr Salleh mendakwa PRK Kajang ini pun diadakan untuk memenuhi nafsu politik Anwar dan malangnya tidak kesampaian.

“Wan Azizah sepatutnya menerangkan perjuangan sebenarnya, bukan asyik meraih simpati,” ujarnya.

Katanya lagi, tetapi ini tidak dilakukannya.

“Kerana dia sendiri pun bertanding di situ hanya semata-mata memenuhi agenda yang ditetapkan suaminya. Dia hanyalah calon proksi, bukan calon pilihan pakatan pembangkang,” dakwanya lagi.

Beliau berpendapat Kajang perlukan seorang wakil yang ada pengalaman menyelesaikan masalah rakyat, sanggup mendekati rakyat, cergas berkhidmat, dedikasi dan punya integriti.

“Ini hanya boleh dilakukan oleh calon BN, Datin Paduka Chew Mei Fun,” katanya.

Beliau yakin pengundi Kajang bijaksana membuat pilihan.

“Tahu menilai yang benar dan palsu. Pandai membezakan antara perjuangan sejati dan peribadi,” katanya.

Dr Salleh berkata kes mahkamah itu bukan soal antara kerajaan dengan Anwar.

“Tetapi ia di antara Anwar dengan bekas pembantunya sendiri, Mohd. Saiful Bukhari Azlan. Sedangkan di Kajang, isunya adalah antara perjuangan BN dan pakatan pembangkang. Dua hal yang berbeza,” tambahnya lagi,

Beliau mahu pengundi Kajang berhati-hati.

“Jangan tersilap dengan ‘Langkah Kajang’ tapi perlu melihat jauh ke hadapan, saujana mata memandang,” katanya lagi.

Dr Wan Azizah banyak bercerita kisah mahkamah daripada masalah rakyat Kajang

Copyright © 2014 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/13/pkr-jaja-masalah-personal-di-kajang-kata-dr-salleh/>